

U B870 AAB
MAHATHIR - BERJAYA

1985

KUALA LUMPUR, 20 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN KERAJAAN MENERIMA SESIAPA SAHAJA YANG DIPILIH OLEH PARTI BERJAYA UNTUK MENGETUAINYA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS TENTANG PEMILIHAN DATUK MOHD. NOOR MANSUR YANG MENGALAHKAN DATUK DR. JAMES ONGKILI DALAM MESYUARAT PERWAKILAN PARTI ITU BARU-BARU INI. DATUK DR. ONGKILI ADALAH MENTERI DI JABATANNYA.

MENYENTUH TENTANG PERMOHONAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) UNTUK MEMASUKI BARISAN NASIONAL, KATANYA, MESYUARAT MT PADA HARI INI TIDAK MENGAMBIL SEBARANG KEPUTUSAN MENGENAINYA.

MENURUTNYA, MESYUARAT MT PADA HARI INI PERTAMA KALI MEMBINCANGKAN SOAL PERGOLAKAN POLITIK DI SABAH SEJAK PILIHANRAYA NEGERINYA YANG BARU LALU.

KATANYA, PARA ANGGOTA MAJLIS TELAH DIBERIKAN LAPORAN RINGKAS MENGENAI PERSOALAN ITU SERTA MEMBINCANGKAN PERKEMBANGAN POLITIK DI SANA. -- LAGI
2231MST 20 07 85

D037

U B871 AAB
MAHATHIR - BERJAYA 2 KUALA LUMPUR

+MT MENGAMBIL PERHATIAN YANG BERAT TERHADAP MASALAH ITU DAN BERPENDAPAT IA TIDAK PERLU MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN MENGENAINYA TERMASUK MENENTUKAN KEMASUKAN PBS KE DALAM BN+, KATANYA.

MESYUARAT HARI INI JUGA TELAH BERSETUJU MENERIMA KEMBALI KEAHLIAN HAJI ABDUL GHAFUR ABDUL HAMID DARI CAWANGAN TIGER LANE DAN ENCIK JAMIL MANSUR DARI CAWANGAN BANDAR. KEDUA-DUA CAWANGAN ITU ADALAH DARI BAHAGIAN PASIR PINJI, IPOH.

MESYUARAT MT SELAMA LIMA JAM PADA HARI INI ADALAH LANJUTAN DARIPADA MESYUARAT YANG SAMA MINGGU LALU. -- BERNAMA